



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Jabatan Pendaftar
Registrar's Office



CERTIFIED TO ISO 9001:2000 CERT. NO: AR 3088

Ruj.Kami : UMS/PEND2.1/100-1/7/2
Tarikh : 18 Jun 2013

SEMUA

KETUA JABATAN/SEKOLAH/PUSAT/INSTITUT/UNIT/BAHAGIAN

Y.Brs. Prof./Tuan/Puan,

PEKELILING PENDAFTAR BIL.3/2013: GARIS PANDUAN PERKHIDMATAN DAN KEMUDAHAN KLINIK PANEL KEPADA PEKERJA UNIVERSITI MALAYSIA SABAH;

PEKELILING PENDAFTAR BIL.4/2013: PENGGUNAAN SISTEM MYHEALTH BAGI KEMUDAHAN RAWATAN KLINIK PANEL UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Bersama-sama ini disertakan **Pekeliling Pendaftar Bil.3/2013** dan **Bil.4/2013** yang jelas maksudnya mengenai perkara tersebut di atas untuk makluman dan tindakan lanjut pihak Y.Bhg. Prof./Tuan/Puan.

Mohon perkara ini dimaklumkan kepada semua kakitangan di J/S/P/I/U/B masing-masing. Pekeliling ini juga boleh dicapai melalui laman web Jabatan Pendaftar (<http://www.ums.edu.my/pendaftar/>).

Kerjasama dan perhatian pihak Y.Bhg. Prof./Tuan/Puan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"Bertekad Cemerlang"

Yang ikhlas,

TALIB ABDULLAH SHANI

Ketua Bahagian Pentadbiran dan Governan
Jabatan Pendaftar
b.p Pendaftar

- s.k
- ☞ Y.Bhg. Prof. Datuk Naib Canselor
 - ☞ Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - ☞ Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - ☞ Y.Bhg. Datuk Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar & Alumni)
 - ☞ Y.Bhg. Lt. Kol. (K) Datuk Pendaftar
 - ☞ Fail

BERTEKAD CEMERLANG

JALAN UMS, 88400 KOTA KINABALU, SABAH, MALAYSIA.

• Tel : 6088-320 123

• Faks : 6088-320 243

• E-mel : papenums@ums.edu.my

• Laman web : <http://www.ums.edu.my>

SENARAI EDARAN

1. Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL)

JABATAN

2. Jabatan Perpustakaan
3. Jabatan Bendahari
4. Jabatan Canselori
 - (i) Bahagian Perhubungan Korporat
 - (ii) Bahagian Audit Dalaman
 - (iii) Unit Hal Ehwal Islam & Masjid
5. Jabatan Pembangunan & Penyelenggaraan
6. Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni

SEKOLAH

7. Sekolah Kejuruteraan & Teknologi Maklumat
 - (i) Unit Kajian Bahan & Mineral
 - (ii) Unit Kajian Kecerdikan Buatan
8. Sekolah Sains dan Teknologi
 - (i) Unit Kajian Bencana Alam
 - (ii) Unit Penyelidikan Air
 - (iii) Unit Penyelidikan Minyak Sawit Lestari
 - (iv) Unit Penyelidikan Rumpai Laut
9. Sekolah Sains Makanan & Pemakanan
10. Sekolah Perhutanan Tropika Antarabangsa
11. Sekolah Sains & Informatik Labuan
12. Sekolah Pertanian Lestari
13. Sekolah Perubatan
 - (i) Unit Penyelidikan Perubatan Desa
 - (ii) Unit Penyelidikan Tuberculosis
14. Sekolah Sains Sosial
 - (i) Unit Remote Sensing & GIS
 - (ii) Unit Penyelidikan Etnografi & Pembangunan
15. Sekolah Perniagaan & Ekonomi
 - (i) Unit Pembangunan Pelancongan BIMP-EAGA
 - (ii) Unit Penyelidikan dan Pembangunan Keusahawanan
16. Sekolah Psikologi & Kerja Sosial
 - (i) Unit Penyelidikan Psikologi & Kesihatan Sosial

(ii) Unit Penyelidikan Dalam Penyalahgunaan Dadah

17. Sekolah Pengajian Seni

(i) Unit Penyelidikan Warisan Borneo

18. Sekolah Pendidikan & Pembangunan Sosial

(i) Unit Penyelidikan Pendidikan Luar Bandar

19. Sekolah Perniagaan & Kewangan Antarabangsa Labuan

PUSAT

20. Pusat Pengajian Pascasiswazah

21. Pusat Persediaan Sains & Teknologi

22. Pusat Luar UMS

23. Pusat Penataran Ilmu & Bahasa

24. Pusat Kokurikulum & Pemajuan Pelajar

25. Pusat Hal Ehwal Antarabangsa

26. Pusat Pengurusan Strategik & Akademik

27. Pusat Hubungan Industri

28. Pusat Penyelidikan & Inovasi

29. Pusat Rawatan Warga

30. Pusat Sukan

31. Pusat Hubungan Alumni

32. Pusat Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan

33. Pusat Perakaunan UMS

34. Pusat Pengurusan Eco Campus

INSTITUT

35. Institut Penyelidikan Marin Borneo

(i) Unit Kajian Alga Bahaya

(ii) Unit Kajian Mamalia Marin

36. Institut Biologi Tropika & Pemuliharaan

(i) Unit Kajian Primate Borneo

(ii) Unit Kajian Orkid

37. Institut Penyelidikan Bioteknologi

UNIT

38. Unit Media Teknologi Pendidikan

39. Unit Penerbitan



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PEKELILING PENDAFTAR

Tarikh : 13 Jun 2013

Bil. 3/2013

Ruj : UMS/PEND2.1/100-1/7/2

GARIS PANDUAN PERKHIDMATAN DAN KEMUDAHAN KLINIK PANEL KEPADA PEKERJA UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini dikeluarkan bagi memaklumkan pemakaian Garis Panduan Perkhidmatan dan Kemudahan Klinik Panel kepada pekerja Universiti Malaysia Sabah.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Peruntukan-peruntukan dalam garis panduan ini adalah berpandukan Perintah Am Bab F : Perubatan 1974 dan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 2001 : Pelaksanaan Kemudahan Perubatan.
- 2.2 Garis panduan ini diwujudkan bertujuan untuk menetapkan perkhidmatan dan kemudahan perubatan klinik panel kepada kakitangan dan tanggungan yang layak seperti dinyatakan dalam garis panduan.
- 2.3 **Mesyuarat Pihak Berkuasa Pengurusan Universiti (PBPU)** yang bersidang pada **15 April 2013 Bil. 5/2013 Kali Ke-160** telah bersetuju dengan garis panduan ini.

3.0 PELAKSANAAN

- 3.1 Peraturan ini merangkumi perkara seperti berikut:
 - (a) Pengenalan;
 - (b) Kelayakan Perkhidmatan Klinik Panel;
 - (c) Kemudahan Rawatan;
 - (d) Had Rawatan;
 - (e) Prosedur Mendapatkan Rawatan Di Klinik Panel;
 - (f) Peraturan Pelantikan Dan Penilaian Klinik Panel; dan
 - (g) Peruntukan Am.

- 3.2 Garis Panduan Perkhidmatan dan Kemudahan Klinik Panel kepada pekerja UMS adalah seperti dalam **Lampiran**.
- 3.3 Maklumat lanjut mengenai peraturan ini boleh diperolehi di **Bahagian Pentadbiran dan Governan, Jabatan Pendaftar**.

4.0 TARIKH KUAT KUASA

- 4.1 Pekeliling ini berkuat kuasa mulai dari **01 Julai 2013**.

Sekian, Terima Kasih.

"BERTEKAD CEMERLANG"

Yang ikhlas,



LT. KOL (K) DATUK ABDULLAH HJ. MOHD. SAID
Pendaftar

Tarikh : **13** Jun 2013

- s.k. ☞ Naib Canselor
☞ Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
☞ Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
☞ Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar & Alumni)
☞ Fail



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**GARIS PANDUAN
PERKHIDMATAN DAN KEMUDAHAN
KLINIK PANEL
KEPADA PEKERJA UNIVERSITI
MALAYSIA SABAH**

Diluluskan Dalam Mesyuarat Pihak Berkuasa Pengurusan Universiti
(PBPUP) Bil. 5/2013 Kali Ke-160
pada 15 April 2013

ISI KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
1.0	Pengenalan	
	1.1 Nama	1
	1.2 Tujuan	1
	1.3 Tarikh Kuatkuasa	1
	1.4 Pemakaian	1
	1.5 Takrifan	1 – 2
2.0	Kelayakan Perkhidmatan Klinik Panel	
	2.1 Layak	3
	2.2 Tidak Layak	4
3.0	Kemudahan Rawatan	
	3.1 Rawatan Yang Ditanggung	4
	3.2 Rawatan Yang Tidak Ditanggung	4 – 5
4.0	Had Rawatan	5 - 6
5.0	Prosedur Mendapatkan Rawatan Di Klinik Panel	6
6.0	Peraturan Pelantikan Dan Penilaian Klinik Panel	
	6.1 Kriteria Pelantikan	7
	6.2 Kaedah Pelantikan	7
	6.3 Kriteria Pelantikan Semula	7
	6.4 Kaedah Penilaian Prestasi	8
7.0	Peruntukan Am	8
8.0	Lampiran 1 : Jenis-Jenis Penyakit Biasa	9 – 11
9.0	Lampiran 2 : Senarai Ujian Yang Ditanggung Oleh Klinik Panel	12

GARIS PANDUAN PERKHIDMATAN DAN KEMUDAHAN KLINIK PANEL KEPADA PEKERJA UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

1.0 PENGENALAN

1.1 Nama

Garis panduan ini dinamakan Garis Panduan Perkhidmatan Dan Kemudahan Klinik Panel Kepada Pekerja Universiti Malaysia Sabah

1.2 Tujuan

Garis panduan ini bertujuan menetapkan perkhidmatan dan kemudahan perubatan klinik panel kepada pekerja dan tanggungan mereka dengan pembiayaan yang ditentukan oleh Universiti serta keadaan pentadbiran berkaitan dengannya.

1.3 Tarikh Kuatkuasa

Garis panduan ini berkuatkuasa pada 01 Julai 2013.

1.4 Pemakaian

Peruntukan-peruntukan dalam garis panduan ini adalah berpandukan Perintah Am Bab F dan Pekeliling Perkhidmatan Bil 4 Tahun 2001 dan terpakai bagi semua pekerja yang layak.

1.5 Takrifan

Dalam garis panduan ini:

- a) 'Doktor Kerajaan' bermaksud doktor yang berkhidmat dengan mana-mana Hospital dan Klinik Kerajaan.
- b) 'Doktor Panel' bermaksud pengamal perubatan yang didaftarkan di bawah Akta Perubatan 1971 dan berkhidmat di klinik-klinik panel doktor perubatan.
- c) 'Doktor Swasta' bermaksud pengamal perubatan berdaftar yang tidak berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia dan tidak disenarai atau tidak dilantik sebagai Doktor Panel.
- d) 'Doktor Universiti' bermaksud seseorang pengamal perubatan yang berkhidmat di UMS khususnya di Pusat Rawatan Warga dan Poliklinik UMS.

- e) 'Klinik Panel' bermaksud mana-mana klinik perubatan swasta yang dilantik oleh Universiti untuk memberi rawatan perubatan pesakit luar kepada pekerja Universiti.
- f) 'Pekerja Universiti' bermaksud mana-mana orang yang diambil bekerja oleh Universiti di bawah Perlembagaan Universiti Malaysia Sabah.
- g) 'Pekerja Lantikan Khas' bermaksud pekerja yang diluluskan oleh Senat dan diperakukan lantikannya oleh Lembaga Pengarah Universiti (LPU).
- h) 'Pekerja Sambilan Harian' bermaksud seseorang yang dilantik untuk berkhidmat dengan Universiti mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3/2011 - Dasar Dan Prosedur Pengambilan Pekerja Sambilan Harian.
- i) 'Pesara' bermaksud mereka yang menamatkan perkhidmatan dengan Universiti sama ada atas sebab bersara wajib atau dengan pilihan.
- j) 'Tanggungan' bermaksud isteri atau isteri-isteri atau suami serta anak-anak termasuk anak-anak angkat yang berdaftar di bawah *Child Act* 1990 dan ibu bapa kandung atau penjaga.
- k) 'Lembaga Perubatan' bermaksud sebuah jawatankuasa yang dilantik oleh Naib Canselor bagi mengkaji dan membuat laporan tentang penyakit yang dihadapi oleh Pekerja Universiti dan membuat syor-syor tertentu.
- l) 'Lembaga' bermaksud Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Sabah.
- m) 'Naib Canselor' bermaksud Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah.
- n) 'Pendaftar' bermaksud Pendaftar Universiti Malaysia Sabah.
- o) 'Stesen Yang Sama' bermaksud satu lingkungan kawasan 25 km dari pejabat atau dari rumah kediaman atau kedua-duanya.
- p) 'Jawatankuasa Tadbir Urus Klinik Panel (JTKP)' bermaksud jawatankuasa yang dilantik oleh Universiti bagi menguruskan hal ehwal berkaitan klinik panel.
- q) 'Sistem MyHealth' bermaksud sistem yang dibangunkan untuk memudahkan proses tuntutan bayaran rawatan dan menyimpan rekod perubatan kakitangan serta tanggungan dengan lebih teratur.

2.0 KELAYAKAN PERKHIDMATAN KLINIK PANEL

2.1 Layak

Individu yang layak mendapat perkhidmatan di klinik panel adalah seperti jadual berikut:

BIL	STATUS LANTIKAN	KELAYAKAN	
		DIRI SENDIRI	TANGGUNGAN
1.	Pekerja Universiti (Tetap, Kontrak, Sementara dan Pinjaman ke UMS)	Layak	i. Suami/isteri atau isteri-isteri yang sah ii. Anak-anak yang ditanggung sepenuhnya termasuk anak tiri atau anak angkat yang sah di sisi undang-undang dengan syarat anak itu berumur tidak melebihi 21 tahun iii. Ibu bapa / penjaga yang sah
2.	Pekerja Lantikan Khas		
	i. Ahli LPU	Layak	-
	ii. Profesor Adjung	Layak	-
	iii. Pemeriksa Luar	Layak (Sepanjang tempoh menjalankan tugas sahaja)	-
	iv. Penilai Luar	Layak	-
	v. Tenaga Pengajar Pelawat	Layak	-
	vi. Felo, Felo Kanan, Felo Utama, Felo Bersekutu, Karyawan Tamu dan Penyelidik Pasca Doktorat	Layak	i. Suami/isteri atau isteri-isteri yang sah ii. Anak-anak yang ditanggung sepenuhnya termasuk anak tiri atau anak angkat yang sah di sisi undang-undang dengan syarat anak itu berumur tidak melebihi 21 tahun iii. Ibu bapa / penjaga yang sah
3.	Pekerja Sambilan Harian	Layak	-

2.2 Tidak Layak

Individu (termasuk tanggungan) yang tidak layak mendapat perkhidmatan di klinik panel adalah seperti berikut:

- a) Pekerja Universiti yang ditahan atau digantung kerja di bawah Akta 605.
- b) Pekerja Universiti yang menamatkan/ditamatkan perkhidmatan
- c) Pesara
- d) Pekerja Universiti yang dipinjamkan ke agensi luar
- e) Pekerja Universiti yang sedang mengambil Cuti Tanpa Gaji.

3.0 KEMUDAHAN RAWATAN

3.1 Rawatan Yang Ditanggung

- a) Rawatan pesakit luar untuk penyakit-penyakit biasa (**Lampiran 1**).
- b) Imunisasi wajib untuk bayi dan kanak-kanak seperti yang dijadualkan oleh Kementerian Kesihatan (BCG, DPT/OPV, Measles, Hepatitis bayi, dos tambahan untuk DPT/OPV); - boleh dibuat oleh klinik UMS dan klinik kerajaan.
- c) Pemeriksaan dan rawatan untuk antenatal dan postnatal dan penyakit yang berkaitan dengan kehamilan.
- d) Ujian yang dilindungi adalah seperti di **Lampiran 2**.
- e) Perkhidmatan diagnostik - Hanya diperlukan untuk tujuan mengenalpasti penyakit diagnostik dan rawatan. Laporan terperinci dari makmal diperlukan untuk kemudahan proses pembayaran.
- f) Pemeriksaan kesihatan dan imunisasi wajib untuk pekerja Universiti atas tujuan tugas rasmi (termasuk melanjutkan pelajaran, menghadiri kursus, lawatan kerja ke luar negara dan penyambungan kontrak).

3.2 Rawatan Yang Tidak Ditanggung

Bayaran perubatan dan rawatan yang tidak akan dibiayai dan dilindungi oleh Universiti di bawah ini adalah seperti berikut:

- a) Rawatan untuk penyakit kurang daya tahan penyakit (AIDS) atau komplikasi berkaitan dengan AIDS (AIDS related complex [ARC]).
- b) Terapi tradisional atau alternatif seperti sinseh, akupunktur, homeopati dan bomoh.
- c) Pembelian cermin mata atau kanta sesentuh.

- d) Kecederaan yang disebabkan oleh keadaan tidak waras atau disengajakan (self inflicted injuries).
- e) Rawatan untuk menguatkan mental, psikologi dan emosi.
- f) Imunisasi pilihan untuk orang dewasa seperti hepatitis, tipoid, rubella, mumps, chicken pox dan lain-lain.
- g) Imunisasi perjalanan seperti yellow fever vaccines, meningococcal meningitis, tipoid, hepatitis, taun dan lain-lain.
- h) 'House-calls', rawatan dan penjagaan persendirian.
- i) Rawatan pulih anggota secara pesakit luar (fisioterapi).
- j) Rawatan untuk ketagihan dadah, arak atau lain-lain penyakit berjangkit yang perlukan pengasingan atau kuarantin sewaktu kejadian wabak.
- k) Pemeriksaan dan ujian kesihatan yang diperlukan oleh pihak ketiga bagi tujuan insuran permohonan membawa kenderaan, ujian saringan dan sebagainya.
- l) Rawatan pembedahan plastik.
- m) Pembedahan kosmetik.
- n) Kecederaan atau penyakit akibat dari penglibatan secara langsung di dalam demonstrasi, rusuhan dan kegemparan awam (civil commotion).
- o) Kecederaan akibat perlumbaan dari apa jenis sekalipun.
- p) Rawatan untuk penyakit teruk seperti pemindahan organ, terapi erythropoietin dan rawatan renal dialysis pesakit luar.
- q) Semua jenis vitamin, makanan tambahan, steroid untuk kekuatan dan barangan kosmetik.
- r) Berkhatan.
- s) Pemeriksaan kesihatan untuk pekerja baru.

4.0 HAD RAWATAN

4.1 Had rawatan maksimum bagi pekerja dan tanggungan adalah seperti berikut:

BIL	STATUS LANTIKAN	HAD RAWATAN	
		DIRI SENDIRI	DIRI SENDIRI DAN TANGGUNGAN
1.	Pekerja Universiti (Berkahwin)	-	RM 2000

BIL	STATUS LANTIKAN	HAD RAWATAN	
		DIRI SENDIRI	DIRI SENDIRI DAN TANGGUNGAN
2.	Pekerja Universiti (Belum berkahwin)	-	RM 1000
3.	Pekerja Lantikan Khas		
	i. Ahli LPU	RM 700	-
	ii. Profesor Adjung	RM 700	-
	iii. Pemeriksa Luar	RM 700	-
	iv. Penilai Luar	RM 700	-
	v. Tenaga Pengajar Pelawat	RM 700	-
	vi. Felo, Felo Kanan, Felo Utama, Felo Bersekutu, Karyawan Tamu dan Penyelidik Pasca Doktorat	RM 700	-
3.	Pekerja Sambilan Harian	RM 700	-

4.2 Had rawatan akan ditambah secara automatik sebanyak 50% daripada had rawatan asal sekiranya kadar had yang telah diberikan berbaki RM200. Sekiranya terdapat keperluan untuk menambah kadar had tersebut maka Jawatankuasa akan membuat penilaian.

4.3 **Kos rawatan selain klinik panel akan menggunakan had rawatan seperti jadual di atas tertakluk kepada Pekerja Universiti dan Tanggungan yang bermastautin tetap di Malaysia berada di luar stesen dan kawasan tersebut tidak mempunyai klinik panel.**

5.0 PROSEDUR MENDAPATKAN RAWATAN DI KLINIK PANEL

5.1 Pekerja dan tanggungan boleh mendapat rawatan pesakit luar di mana-mana Klinik Kerajaan. Bagi tujuan mendapatkan rawatan di klinik panel Universiti yang telah dilantik, setiap pekerja atau tanggungan hendaklah mengemukakan kad pengenalan bagi mendapatkan rawatan.

5.2 Semua klinik panel yang dilantik hendaklah menggunakan sistem MyHealth yang telah dibangunkan untuk tujuan kakitangan serta tanggungan mendapatkan rawatan Rekod perubatan setiap kakitangan dan tanggungan boleh dipaparkan secara terus melalui Sistem MyHealth.

6.0 PERATURAN PELANTIKAN DAN PENILAIAN KLINIK PANEL

6.1 Kriteria Pelantikan

- a) Klinik perubatan yang berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia.
- b) Telah beroperasi sekurang-kurangnya 2 tahun dan mempunyai reputasi yang baik.
- c) Mempunyai kemudahan seperti komputer dan talian internet bagi memudahkan penggunaan sistem

6.2 Kaedah Pelantikan

- a) Kaedah pelantikan hendaklah melalui syor JTKP yang dilantik oleh Pendaftar dan diperakukan oleh PBPU.
- b) Klinik yang berjaya dilantik akan terikat dengan kontrak selama 2 tahun.

6.3 Kriteria Pelantikan Semula

Pelantikan sesebuah klinik panel adalah tertakluk Pelantikan Klinik kepada syarat-syarat yang berikut:-

- a) Sesebuah klinik panel adalah dilantik bagi tempoh selama tidak lebih daripada dua tahun bagi setiap pelantikan. Klinik panel yang akan tamat tempoh lantikannya boleh memohon untuk dilantik semula dengan mengemukakan permohonan bertulis kepada Universiti empat bulan sebelum tamat tempoh lantikan semasa.
- b) Pelantikan sesebuah klinik sebagai klinik panel adalah khusus untuk cawangan yang ditentukan sahaja dan tidak meliputi cawangan - cawangan yang lain.
- c) Bagi maksud Skim ini, semua doktor yang bertugas di sesebuah klinik panel, termasuk mereka yang mempunyai kelulusan pakar, adalah dianggap sebagai pengamal perubatan umum dan bukan sebagai doktor pakar.
- d) Pelantikan sebagai klinik panel boleh ditamatkan oleh mana-mana pihak (Universiti atau klinik yang berkenaan) dengan memberi notis bertulis tidak kurang daripada satu bulan kepada pihak yang satu lagi.
- e) Universiti berhak menggantung atau menamatkan pelantikan sesebuah klinik panel dengan serta-merta jika didapati klinik panel tersebut tidak mematuhi peraturan, syarat atau prosedur yang ditetapkan oleh pihak Universiti. Klinik yang berkenaan boleh mengemukakan rayuan kepada LPU dan keputusan LPU mengenainya adalah muktamad.

6.4 Kaedah Penilaian Prestasi

- a) Borang soal selidik kepada pekerja
- b) Audit/lawatan berkala ke klinik panel yang dilantik oleh JTKP dan lain-lain kaedah yang ditentukan oleh Jawatankuasa berkenaan.

7.0 PERUNTUKAN AM

- a) Pekerja Universiti hendaklah memberi keutamaan untuk mendapatkan rawatan daripada mana-mana klinik atau hospital yang dimiliki oleh UMS.
- b) Sebarang kes di luar garis panduan ini hendaklah merujuk kepada JTKP.
- c) JTKP boleh membuat keputusan tentang sesuatu kes luar biasa yang tidak dinyatakan secara khusus dalam garis panduan ini atau merujuk terus kes tersebut untuk diputuskan oleh Lembaga Pengarah Universiti.
- d) Pihak Berkuasa Universiti berhak meminda, mengubahsuai atau membatalkan garis panduan ini mengikut budi bicara.

JENIS-JENIS PENYAKIT BIASA

1. Skin

- Acne
- Athlete's foot (Tinea pedis)
- Atopic dermatitis
- Boil (Furuncle)
- Callous
- Contact dermatitis
- Corns
- Chicken pox
- Cellulitis
- Dandruff
- Dry skin
- Allergic dermatitis
- Eczema
- Urticaria
- Impetigo
- Lice infestation
- Nappy rash
- Perioral dermatitis
- Psoriasis
- Ring worm
- Scabies
- Seborrheic dermatitis
- Shingles
- Skin tag
- Simple laceration wound
- Simple abrasion wound
- Simple incised wound
- Simple puncture wound (nail prick injury)
- Tinea mannum
- Tinea capitis
- Tinea corporis
- Tinea unguium
- Tinea versicolor
- Tinea cruris
- Wound complicated with secondary infection

2. Musculoskeletal

- Osteoarthritis
- Arthritis
- Lumbago
- Muscle pull/strain
- Wrist sprain
- Ankle sprain
- Ligament strain
- Costochondritis

3. Eye

- Conjunctivitis
- Stye
- Foreign body of the eye
- Chemical injury of eye
- Eyelid cellulitis
- Otitis media
- Otitis external
- Impacted earwax
- Foreign body in ear canal
- Foreign body in nasal cavity
- Vertigo

4. Gastrointestinal tract

- Gingivitis
- Gum abscess
- Stomatitis
- Aphthous ulcer
- Oral candidiasis
- Dyspepsia
- Acute gastritis
- Glossitis
- Acute gastroenteritis
- Simple constipation
- Hemorrhoid

5. Gynaecology

- Urinary Tract Infection
- Vaginal candidiasis
- Bacterial vaginosis
- Dysmenorrhoea
- Mild menorrhagia
- Hyperemesis gravidarum
- Threatened miscarriage
- Complete miscarriage

6. Respiratory

- Acute nasopharyngitis
- Acute sinusitis
- Acute pharyngitis
- Acute tonsillitis
- Acute laryngitis
- Acute bronchitis
- Acute bronchiolitis
- Allergic rhinitis
- Croup
- Peritonsillar abscess

- Mild Pneumonia
- Chronic obstructive pulmonary disease
- Asthma
- URTI

7. Others

- Hypocholestromia
- Diabetes mellitus
- Hyperthyroidism
- Gout, gouty arthritis
- Hypertension
- Headache
- Migraine

SENARAI UJIAN YANG DITANGGUNG OLEH KLINIK PANEL

1. Full Blood Count (FBC)
2. Blood Group (ABO Rh)
3. Urine Fine Examination and Microscopic Examination (UFEME)
4. Renal Function Test (RFT)
5. Liver Function Test (LFT)
6. Thyroid Function Test (TFT)
7. Blood Glucose (RBS / FBS)
8. Lipid Profile (FLP)
9. HbA1c
10. Serum Uric Acid
11. Serum Calcium
12. Dengue Rapid Test
13. HIV I & II
14. HBsAg
15. BFMP
16. ECG
17. Plain Chest X-Ray